

Bidang farmasi pilihan terbaik

BIARPUN bidang farmasi adalah pilihan keduanya, Siti Zubaidah Al-Nazir Hus-sain tidak pernah menyesal mendalami bidang tersebut malah menyedari keputusan itu adalah yang terbaik pernah dilakukan dalam hidupnya.

“Selepas mempelajari bidang farmasi ini, saya mula menyedari kepuasan yang dirasakan dalam membantu para pesakit melalui perubatan,” kata Siti Zubaidah yang dahulunya menyimpan keinginan menyambung pengajian dalam bidang perubatan perguruan.

Menurut pelajar program farmasi tahun ketiga Universiti UCSI ini, ramai yang salah faham tentang kerjaya dalam bidang tersebut. Kebanyakan mereka beranggapan bidang farmasi hanya melibatkan pendispensan ubat-ubatan.

“Jujurnya, apabila mereka mengetahui saya sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang farmasi, mereka hairan dan bertanya mengapa saya perlu belajar selama empat tahun hanya untuk memberi ubat-ubatan kepada orang ramai,” ujarnya.

Siti Zubaidah memberitahu, bidang farmasi ini bukan sekadar memberikan bekalan ubat-ubatan. Sebaliknya, ahli farmasi perlu mempunyai pengetahuan luas dalam pengu-rusan ubat-ubatan yang sesuai untuk pesakit.

Kini, setelah tiga tahun menuntut ilmu dalam bidang farmasi, Siti Zubaidah menga-

kui dirinya telah memperoleh banyak pengalaman berharga antaranya kepercayaan dan rasa hormat yang diberikan para pesakit kepadanya.

Jelas pelajar itu, amat penting bagi seorang ahli farmasi mendapat kepercayaan dan rasa hormat daripada pesakit kerana apabila dua ciri itu diperolehi, pesakit akan menjadi lebih terbuka untuk berkongsi mengenai latar belakang perubatan dan penyakit yang dihidapi. Ini akan memudahkan ahli farmasi untuk memberikan ubat paling sesuai kepada pesakit.

Berkongsi pengalamannya sepanjang berada di Universiti UCSI, Siti Zubaidah memuji sukatan pelajaran dan para pensyarah di universiti tersebut.

Katanya, Fakulti Sains Farmasi UCSI adalah satu-satunya universiti yang mengamalkan pendekatan sukatan pelajaran bersepadu. Melalui pendekatan itu, para pelajar didedahkan dengan pemahaman secara menyeluruh berkaitan mata pelajaran yang dipelajari.

Contohnya, untuk komponen sistem saraf manusia, pelajar akan mempelajari aspek fisiologi, farmakologi dan aspek kimia pe-

rubatan pada tahun yang sama.

“Ilmu ini adalah sesuatu yang sangat realistik dan berguna kerana apabila berjumpa dengan pesakit kita tidak hanya memberikan ubatan berdasarkan kepada satu aspek,” kata Siti Zubaidah sambil memberitahu bahawa rakan-rakan dari universiti lain mempelajari komponen-komponen ini secara berasingan.

info

- UNTUK maklumat lanjut mengenai program-program di Fakulti Sains Farmaseutikal Universiti UCSI, sila hubungi **03-91018882** atau e-mel www.ucsiuniversity.edu.my/onlineenquiry. Anda juga boleh mengunjungi Hari Terbuka UCSI pada 28 dan 29 Mac 2015 (9 pagi-5 petang).



**AHLI farmasi adalah satu kerjaya yang cukup
sempurna bagi Siti Zubaldah Al-Nazir Hussain
kerana dapat membantu orang ramai berkaitan
penjagaan kesihatan.**